

# UMS pertahan kejuaraan Bola Tampar Wanita IPTA 2012

UB 26.07.2012 A14

KOTA KINABALU : Pasukan bola tampar wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengharumkan nama universiti apabila menjuarai Kejohannan Bola Tampar Sukan Staf Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia kali ke-17 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok Kedah pada 2 hingga

12 Julai lalu.

Di perlawanan akhir, UMS mengecewakan pasukan tuan rumah, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) 3-2 sekaligus membawapulang kejuaraan buat kali ke-7 berturut-turut.

Sebelum mara ke perlawanan akhir, UMS membelasah Universiti Malaya (UM) 3-0 di

peringkat separuh akhir dan menang mudah ke atas Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 2-0 di peringkat suku akhir.

Di peringkat kumpulan, UMS juga mengalahkan lawan dengan bergaya 2-0 masing-masing ke atas Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pasukan UMS diwakili

Norhanizah Adnan, Dk Masniah Madaud, Tinyhanizam Kula, Norasidah Mahamood, Rozeiyatie Ibrahim, Suzana Jefre, Stevie Ivy @ Nur Nazeeha Abdullah, Echristella Geordie Akup dan Agustina Petrus.

Pasukan itu dibimbing oleh jurulatih, Mohd Mazlan Ahmad yang dibantu oleh penolong jurulatih, Ahmad

Fadly Abd Rahman manakala Samsudin Nurdin bertindak selaku pengurus pasukan.

Menurut Mazlan, pasukan bola tampar wanita UMS meletakkan sasaran 4 tahun lagi untuk mengambil kejuaraan pasukan Universiti Malaya yang telah mengekalkan kejuaraan 10 tahun berturut-turut di kejohanan tersebut.

Katanya, UMS akan membuat persediaan lebih rapi tahun depan bagi menghadapi Sukan Badan Berkanun yang akan diadakan pada Februari 2013 di Perlis manakala Sukan Staf IPTA (SUKUMS) kali ke-38 2013 akan diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP).



PASUKAN Bola Tampar Wanita UMS Juara Sukan Staf IPTA 2012